

**35,000 rakyat Gua Musang sambut PM
Utusan Online
05 Mei, 2012**

GUA MUSANG 4 Mei - Kira-kira 35,000 rakyat terdiri daripada pelbagai kaum menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini yang melakukan lawatan kerja ke negeri ini hari ini.

Beliau yang tiba pada pukul 9.45 pagi turut merasmikan Karnival Komuniti 1Malaysia (K1M) Negeri Kelantan di Padang Pusat Sivik dekat sini.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin; Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah dan seluruh kepimpinan UMNO negeri.

Ketibaan Perdana Menteri di pentas utama disambut dengan laungan "PM!" dan "1Malaysia!".

Karnival K1M merupakan program seliaan Jabatan Penerangan untuk mendekati masyarakat di peringkat akar umbi.

Ia bertujuan memperkasa semangat perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di samping memupuk semangat sukarelawan dan berdikari, meningkatkan ilmu pengetahuan dan menjadi ejen perubahan dalam komuniti.

Sebanyak 1,195 K1M telah ditubuhkan di seluruh negara dengan 98 buah daripadanya adalah di negeri ini.

Sempena majlis tersebut Perdana Menteri turut menyempurnakan penyerahan komputer riba 1Malaysia kepada Majlis Permuafakatan Komuniti 1Malaysia Negeri Kelantan.

Dalam pada itu, pelbagai acara menarik diadakan sepanjang karnival berlangsung yang bermula semalam dan berakhir esok, antaranya gerai K1M, pameran, sukan rakyat, larian 1Malaysia, karnival pekerjaan dan pertunjukan seni budaya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm